

22/01/2003

Kempen diteruskan hingga Oktober

KUALA LUMPUR: Kempen Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan sejagat akan diteruskan sehingga ke sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, bagi menyuarakan kecaman terhadap ketidakadilan serta kezaliman kuasa besar terhadap negara kecil dan tidak berupaya.

Penaung Aman Malaysia, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata kempen Aman Malaysia tidak akan dihentikan setakat sidang kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) bulan depan, kerana OIC adalah satu lagi pentas antarabangsa untuk rakyat negara ini menyuarakan tentangan mereka terhadap hipokrisi serta ketidakadilan Amerika Syarikat dalam isu Iraq, Afghanistan dan pembebasan bumi Palestin.

Katanya, usaha mengumpul suara rakyat negara ini yang cintakan kedamaian perlu dinyatakan secara jelas kepada pemimpin dunia yang akan menghadiri NAM dan OIC yang mana negara ini menjadi tuan rumah.

"Kita teruskan kempen Aman Malaysia sehingga ke sidang kemuncak OIC terutama jika Amerika Syarikat masih mahu terus menyerang Iraq, tidak mahu menyelesaikan isu Palestin dan bersikap double standard dalam agenda luar mereka.

"Ini adalah usaha secara aman, tiada unsur keganasan.

"Nam adalah satu peluang, OIC pula satu lagi wadah yang boleh kita gunakan. Kita akan gunakan apa juga cara dan saya yakin dengan perhimpunan di seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan United Kingdom sendiri, suara kecil kita akhirnya akan menjadi suara besar yang tidak boleh dinafikan oleh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan 66 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyertai kempen Aman Malaysia di pejabatnya di Kementerian Belia dan Sukan di sini, semalam. Setakat ini 237 NGO menyatakan komitmen menyertai Aman Malaysia.

Antara program yang dirancang sempena kempen itu ialah Kempen Sejuta Tandatangan/SMS bagi Keamanan Dunia dengan Keadilan, Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia (seminar dan bengkel), Forum Kesan Perang Terhadap Wanita dan Kanak-kanak, pameran, Persidangan Antarabangsa Aman Malaysia serta Konsert Keamanan.

Mengenai perhimpunan pada 23 Februari depan, Hishammuddin berkata lebih 100,000 rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan latar belakang agama akan berkumpul untuk menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.